



UKK/600-01/02 Jld 7

SIARAN MEDIA

LAIN MACAM 2023 TONJOL AKTIVITI SENI 'LAIN MACAM'

LANGKAWI, KEDAH – Program LAIN MACAM yang merupakan akronim kepada Langkawi International Marble Art Camp kembali. LAIN MACAM 2023 merupakan program anjuran Balai Seni Negara Langkawi yang diperluaskan daripada LAIN MACAM tahun lalu dengan pengisian aktiviti *Community Based Arts* bersempena Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2023 (LIMA 2023).

Program ini bermula pada 19 Mei hingga 29 Mei 2023 bertempat di Dikaki Tower House Gunung Raya, Langkawi, Kedah dan mendapat tajaan daripada Bina Darulaman Berhad (BDB) selain kerjasama daripada TentuHala Kolektif, Dikaki Tower House serta Balbuk Haus.

LAIN MACAM 2023 masih mengekalkan penggunaan batu pualam Langkawi sebagai bahan utama dan juga keterbukaan menggunakan bahan lain dalam penghasilan karya seni. Ia menyaksikan penglibatan 10 orang pengkarya warga tempatan Langkawi iaitu Nazri Abdullah, Mohd Syafiq Hassan, Suzuan Suhaimi, Mohd Iskandar Mustafa, Mohd Zahir Ismail, Mohd Alief Syukri Sakaran, Amirul Hafiz Mat Aziz, Abd Hamid Muhamad, Syahril Azwan Salleh dan Siti Sahar Abouzainedin.

Menariknya pada tahun ini, Balai Seni Negara Langkawi mengadakan festival selama tiga hari bermula pada 25 hingga 27 Mei 2023 yang sarat dengan pelbagai aktiviti menarik sepanjang hari. Pengunjung dapat melihat sebanyak 23 karya arca batu pualam yang dihasilkan menerusi kem seni sebelum ini melalui pameran Taman Arca Batu Pualam.

Selain itu, pengisian dipadatkan dengan demonstrasi kelas seni *cyanotype*, mencanting batik di atas *tote bag*, mencipta pesawat kertas dari kertas dan kotak terbuang dan Pameran Lima Lima Lima yang mana pengunjung boleh bersantai sambil berkarya dengan 555 kanvas kecil sempena LIMA 2023. Pengunjung yang hadir turut dihiburkan dengan persembahan muzik eksperimental, seni literasi, seni persembahan, simposium serta seni bunyi yang unik.

Orang ramai dijemput hadir ke festival LAIN MACAM 2023 bagi merasai kemeriahan yang pastinya “lain macam”. Maklumat lanjut mengenai program ini, layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara dan Balai Seni Negara Langkawi.

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my

LAIN MACAM 2023

LANGKAWI
INTERNATIONAL
MARBLE
ART
CAMP

25-27.5.2023

DIKAKI TOWER HOUSE
GUNUNG RAYA

PENGANJUR ORGANIZER



| RAKAN PENAJA SPONSOR |



RAKAN KERJASAMA PARTNER

